

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

**HSM 319 – Seminar Sejarah Sosio Ekonomi Malaysia**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. DUA soalan daripada setiap **Bahagian A** dan **Bahagian B**.

### Bahagian A

1. Keadaan masyarakat perladangan di Tanah Melayu antara tahun 1900 hingga 1930-an digambarkan oleh wakil *Central Indian Association of Malaya* (CIAM), Neelakandha Aiyer, sebagai "sucked oranges". Mengapakah Neelakandha berkata demikian dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh CIAM untuk menangani masalah masyarakat perladangan?
2. "Pergerakan *Thondar Padai* pada awalnya dipengaruhi oleh nationalism Kongres India dan Tentera Kebangsaan India (INA) tetapi lama-kelamaan ia dipengaruhi oleh chauvinisme Tamil dan bersifat agresif" (A. Rajeswary). Sejauh manakah anda bersetuju dengan kenyataan ini?
3. Masyarakat perladangan India telah dipimpin oleh G. Sarangapany, seorang tokoh reformis pada awal tahun 1930-an sehingga 1970-an. Bincangkan sumbangan beliau dalam membangunkan masyarakat perladangan dalam tempoh tersebut.
4. *National Land Finance Cooperative Society* (NLFCS) adalah satu badan ekonomi yang dianjurkan oleh MIC yang bertujuan untuk memaju dan memperkuuh kedudukan ekonomi masyarakat India. Bahaskan.

### Bahagian B

5. Sejauh manakah anda bersetuju bahawa kemelesetan ekonomi 1929-1934 telah mempercepat kesedaran berpersatu dalam kalangan buruh imigran Cina di Tanah Melayu?
6. "Pengaruh dan hasutan politik yang memanipulasi isu sosioekonomi telah menjadi punca yang mempengaruhi pergerakan buruh di Tanah Melayu antara 1930-an hingga pertengahan 1940-an". Bincangkan.
7. Nilaikan asas kekuatan Kesatuan Sekerja Umum SeMalaya (1945-1948) dan mengapa pertubuhan tersebut gagal mencapai matlamatnya?
8. Bezakan bentuk reaksi atau penentangan antara buruh Melayu dan buruh imigran terhadap ketidakadilan majikan dan kerajaan dan mengapakah wujudnya perbezaan demikian dalam aspek sosioekonomi terutamanya pekerjaan dan kebijakan buruh?